



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI,**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA PROGRAM PELANCARAN PROJEK BANDAR**  
**BOTANI PARKLAND,**  
**JASIN, MELAKA**  
**PADA 26 SEPTEMBER 2021 (AHAD) JAM 2.30 PETANG**

---

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh  
Salam Sejahtera, dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berhormat Datuk Seri Ab Rauf Bin Yusoh,  
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Ts. Kamel Mohamed,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abdul Ghaffar Bin Atan,  
Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Alam Sekitar  
Negeri Melaka;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri;

Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Ghazale Bin Muhammad,  
Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka,  
Merangkap Adun Kawasan Rim, Jasin, Melaka;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negara;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka;

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan Dan Negeri,  
Serta Agensi Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datin Sapiah binti Haron,  
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin;

Yang Berusaha En. Rahizi bin Ranom,  
Pegawai Daerah Jasin;

Yang Berusaha, En. Mohd Salleh bin Hamidom,  
Pengarah Eksekutif, Lembaga Perumahan Melaka;

Yang Berusaha Encik Tee Kai Loon,  
Pengarah Urusan, Parkland Group,  
Pemaju Projek Bandar Botani Parkland, Jasin, Melaka;

Wakil-Wakil Media;

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati sekalian;

1. Alhadulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, maka dapatlah kita hadir secara maya pada petang ini.
2. Pertama-tamanya, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Lembaga Perumahan Melaka dan pihak pemaju, Parkland Group yang telah mengaturkan program pelancaran Projek Bandar Botani Parkland, Jasin ini.
3. Umum mengetahui, Pembangunan Perumahan Mampu Milik (RMM) di Melaka kini menjadi agenda pembangunan terpenting di bawah Kerajaan Negeri Melaka selaras dengan hasrat kerajaan pusat iaitu **meringankan bebanan kehidupan rakyat dan menambah pembangunan projek perumahan.**
4. Oleh itu, Projek Bandar Botani Parkland ini merupakan antara usaha, komitmen dan kesungguhan kerajaan negeri untuk memenuhi keperluan perumahan penduduk melalui konsep “**perkongsian pintar**” di antara kerajaan negeri dan pemaju swasta dalam membangunkan projek perumahan mampu milik.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

5. Kerajaan negeri akan memberikan komitmen sepenuhnya seiring dengan hasrat kepimpinan kerajaan persekutuan untuk merealisasikan **pembinaan rumah yang mampu dimiliki**. Penyediaan kemudahan perumahan yang mencukupi seperti projek RMM yang dilancarkan pada hari ini merupakan daya usaha secara berterusan dan bersungguh-sungguh oleh kerajaan negeri.
6. Selain daripada rumah mampu milik, kerajaan negeri juga mempunyai berbagai inisiatif bagi penyediaan rumah kepada golongan berpendapatan rendah (B40) seperti Program Perumahan Rakyat (PPR), rumah sejahtera, rumah prihatin, rumah sewa dan Rumah Belia.
7. Sementara itu, bagi memudahkan lagi penduduk negeri melaka untuk memiliki rumah, kerajaan negeri telah menyediakan kemudahan pinjaman perumahan melalui **Melaka Finance House (MFH)**.
8. Di samping itu, melalui kerjasama yang erat dengan pemaju swasta dan kerajaan persekutuan, kerajaan negeri kini sedang merancang untuk membangunkan sebanyak **46,010 unit rumah mampu milik** di seluruh negeri Melaka bagi **tempoh lima tahun akan datang (2020 - 2025)**.
9. Dari jumlah tersebut, sebanyak **31,022 unit rumah mampu milik** dibangunkan oleh agensi kerajaan negeri

Melaka dan pihak swasta, manakala sebanyak **14,988 unit rumah mampu milik** juga sedang dibangunkan oleh agensi kerajaan persekutuan seperti **PR1MA, Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB), Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dan Jabatan Perumahan Negara (JPN).**

10. Daripada jumlah rumah mampu milik sebanyak **46,010 unit** tersebut, sehingga 31 ogos 2021 sebanyak **8,206 unit rumah mampu milik telah siap dibina, 20,297 unit rumah mampu milik sedang dalam pembinaan,** manakala **17,507 unit rumah mampu milik telah mendapat kelulusan** dan akan dimulakan dalam masa terdekat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Projek Bandar Botani Parkland, Jasin ini adalah projek usahasama Lembaga Perumahan Melaka bersama pihak pemaju, Parkland Group. Keseluruhan projek perumahan bercampur ini seluas **652 ekar** mengandungi sebanyak **3,891 unit rumah** di mana projek perumahan ini adalah berkonsepkan **kejiranan berpengawalan (*guarded neighborhood*).**
12. Komponen projek pembangunan perumahan ini adalah terdiri daripada **386 unit rumah** teres mampu milik 1 tingkat berharga **rm100,000.00 seunit; 389 unit rumah** teres mampu milik 1 tingkat berharga

**RM180,000.00 seunit**; selain daripada itu, terdapat rumah teres 1 tingkat dan 2 tingkat; rumah kluster 1 tingkat dan 2 tingkat; rumah berkembar 1 tingkat dan 2 tingkat; rumah banglo 1 tingkat dan 2 tingkat; lot kedai pejabat mampu milik; lot kedai pejabat; lot perniagaan dan lot industri kecil dan sederhana (IKS).

13. Sebelum Program Bandar Botani Parkland, Jasin, Melaka dilancarkan pada hari ini, saya dimaklumkan sebanyak **386** unit rumah teres mampu milik 1 tingkat berharga rm100,000.00 seunit **telah habis ditempah dan dijual** manakala terdapat sedikit lagi unit rumah mampu milik 1 tingkat berharga rm180,000.00 seunit yang masih boleh ditempah. Syabas dan tahniah diucapkan kepada pihak pemaju, Parkland Group.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

14. Pembangunan Projek Bandar Botani Parkland merupakan pembangunan berkonsep yang pertama di Melaka yang mementingkan gaya hidup berkualiti untuk semua lapisan masyarakat. Pihak pemaju telah memperkenalkan konsep **Taman Bandar Bersama Kanal Buatan Manusia** seluas 30 ekar yang mengandungi kemudahan kesihatan seperti trek jogging dan berbasikal, taman permainan kanak-kanak dan gelanggang bola sepak, badminton, sepak takraw dan bola keranjang.

15. Selain daripada itu, pembangunan ini menyediakan infrastruktur yang terbaik terutamanya pembukaan jalan utama baru sepanjang **9.2** kilometer yang menghubungkan lebuh raya AMJ ke Bandaraya Melaka, Bandar Jasin dan Lebuh raya Plus Jasin. Jalan raya utama kini dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada penghujung bulan Disember 2021.
16. Oleh itu, saya menggesa semua penduduk Negeri Melaka khasnya dan rakyat Malaysia amnya yang berkelayakan supaya segera mengambil peluang untuk memiliki rumah mampu milik yang berkualiti dan bermutu tinggi ini. Pihak kerajaan negeri akan terus meminta pemaju-pemaju perumahan melaksanakan rumah mampu milik seumpama ini di dalam projek-projek perumahan yang akan datang.
17. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak pemaju, kerana berjaya melaksanakan projek pembangunan perumahan ini. Diharapkan kerjasama antara agensi kerajaan negeri dan pemaju perumahan swasta dapat diteruskan di masa akan datang demi kemudahan rakyat di negeri Melaka.
18. Kepada bakal pembeli rumah projek ini dan orang ramai yang mengikuti pelancaran Projek Pembangunan Bandar Botani ini secara maya juga berpeluang menyertai dan memenangi hadiah utama cabutan

bertuah yang disediakan oleh pihak pemaju iaitu **kereta Proton Saga** dan **kereta Toyota Vios** serta pelbagai hadiah cabutan bertuah yang lain.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta syabas kepada Lembaga Perumahan Melaka, pihak pemaju, Parkland Group serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terutamanya jabatan dan agensi teknikal yang telah membantu merealisasikan projek Bandar Botani Parkland ini.
20. Saya juga yakin dengan hubungan dan kerjasama yang rapat antara kerajaan negeri dan pemaju-pemaju perumahan, taraf hidup rakyat melaka akan bertambah baik dan secara tidak langsung dapat merealisasikan hasrat murni kerajaan negeri untuk memajukan negeri ini selari dengan slogan “**Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia**”
21. Akhirul kalam, dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya **melancarkan Projek Bandar Botani Parkland, Jasin pada hari ini.**



Sekian, wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum  
warrahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

